



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM

Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027

Tarikh : 15 Ogos 2025

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 16 TAHUN 2025
PELAKSANAAN PROGRAM PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA (PKB) DI
LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan (MP) Lembaga Getah Malaysia Bil. 11/2025 bertarikh 11 Ogos 2025 telah bersetuju dan meluluskan cadangan pelaksanaan **Program Pembudayaan Keseronokan Bekerja (PKB)** di LGM.

3. Sehubungan itu, semua Bahagian/Unit diminta untuk mematuhi **Garis Panduan Pelaksanaan PKB** seperti di Lampiran A, dengan ketetapan seperti berikut:

- i. Peruntukan Program PKB adalah **RM100.00 bagi setiap seorang kakitangan LGM**;
- ii. Program atau aktiviti tidak dibenarkan dilaksanakan dalam waktu bertugas rasmi dan tidak boleh menjejaskan tugas hakiki kakitangan;
- iii. Kaedah pelaksanaan kewangan adalah secara **permohonan wang pendahuluan** mengikut prosedur kewangan yang berkuatkuasa;
- iv. Permohonan wang pendahuluan disertakan Borang Permohonan Program PKB (Lampiran B) dan dikemukakan kepada UPSM sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh program untuk semakan;
- v. Permohonan yang lengkap akan dimajukan kepada UKA dan yang tidak lengkap akan dikembalikan semula kepada Bahagian/Unit yang memohon untuk tindakan pembetulan;
- vi. **Laporan pelaksanaan** hendaklah dikemukakan kepada UPSM dalam tempoh **14 hari** selepas program dilaksanakan dan disertakan dengan **bukti rekod bergambar**; dan

vii. Semua aktiviti hendaklah mematuhi peraturan keselamatan serta arahan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

4. Bersama-sama kenyataan ini, dilampirkan **Lampiran A: Garis Panduan Pelaksanaan PKB** dan **Lampiran B: Borang Permohonan Program PKB** sebagai rujukan dan tindakan semua Bahagian/Unit.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA (PKB)

1. Pengenalan

Program PKB dilaksanakan bagi mewujudkan suasana kerja positif, meningkatkan motivasi, menggalakkan interaksi, serta mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan warga LGM.

2. Objektif

- i. Meningkatkan kesejahteraan psikologi dan motivasi warga kerja;
- ii. Menggalakkan budaya kerja berpasukan dan komunikasi berkesan;
- iii. Memupuk nilai-nilai positif dalam persekitaran kerja; dan
- iv. Mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan produktif.

3. Skop Pelaksanaan

Aktiviti yang dibenarkan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. Kesukanan dan riadah (contoh: badminton, zumba, senamrobik selepas waktu kerja);
- ii. Aktiviti sosial dan kekeluargaan (contoh: jamuan hari raya, majlis penghargaan, hari keluarga);
- iii. Aktiviti kreativiti dan rekreasi (contoh: pertandingan memasak, dekorasi pejabat, sukaneka);
- iv. Aktiviti komuniti dan khidmat masyarakat (contoh: gotong-royong, lawatan kebajikan).

4. Syarat Pelaksanaan

- i. Aktiviti tidak boleh dilaksanakan dalam waktu bertugas rasmi dan tidak boleh menjejaskan tugas hakiki;
- ii. Peruntukan PKB adalah **RM100.00 bagi setiap seorang kakitangan**;
- iii. Aktiviti perlu mematuhi semua peraturan keselamatan dan arahan Kerajaan.

5. Proses Permohonan

- i. Kaedah pelaksanaan kewangan adalah secara **permohonan wang pendahuluan** mengikut prosedur kewangan yang berkuatkuasa;
- ii. Permohonan wang pendahuluan disertakan Borang Permohonan Program PKB (Lampiran B) dan dikemukakan kepada UPSM sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh program untuk semakan;

- iii. Permohonan yang lengkap akan dimajukan kepada UKA dan yang tidak lengkap akan dikembalikan semula kepada Bahagian/Unit yang memohon untuk tindakan pembedahan;
- iv. **Laporan pelaksanaan** hendaklah dikemukakan kepada UPSM dalam tempoh **14 hari** selepas program dilaksanakan dan disertakan dengan **bukti rekod bergambar**; dan
- v. Semua aktiviti hendaklah mematuhi peraturan keselamatan serta arahan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Borang Permohonan Program Pembudayaan Keseronokan Bekerja (PKB)

1. Maklumat Program/Aktiviti:

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Bahagian/Unit	
2.	Tajuk Program	
3.	Tarikh & Masa	
4.	Tempat	
5.	Bilangan Peserta	
6.	Peruntukan Dimohon (RM)	
7.	Ringkasan Program / Aktiviti	

2. Anggaran Perbelanjaan:

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.		
2.		
3.		

Pengesahan Pengarah Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Negeri/ Pengurus Stesen:

Tandatangan:

Nama, Jawatan & Cop Rasmi:

Tarikh:

Untuk Kegunaan UPSM:

Tandatangan:

Nama, Jawatan & Cop Rasmi:

Tarikh: